

TAHAP PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN TERHADAP AMALAN PERANCANGAN PENGAJARAN

*(The Level of Professionalism of Religious Primary School Teachers of the
Islamic Religious Department of the Federal Territory Towards the Practice of
Teaching Planning)*

***Norhisham Muhamad¹, Nur Haiza Izhar², Muhammad Zulazizi Mohd Naw**

Submitted: 24-May-2022
Accepted: 10-Jun-2022
Revised: 17-Jun-2022
Published: 30-Jun-2022

¹Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

²SMK Padang Tembak
Jalan Sultan Yahya Petra,
54100, Kuala Lumpur

*Corresponding author's email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap profesionalisme guru sekolah rendah agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terhadap amalan perancangan pengajaran. Secara umumnya, reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan adalah set soal selidik. Di samping itu, bilangan sampel kajian yang terlibat adalah seramai 274 responden yang terdiri daripada guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) JAWI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS, versi 22 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap profesionalisme guru SRA-JAWI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan amalan perancangan pengajaran berada pada tahap tinggi ($M=4.40$, $SP=0.32$). Kajian ini diharap menjadi panduan kepada guru-guru yang lain dalam usaha menambahbaik amalan perancangan pengajaran dalam bidang masing-masing dan mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti. Kualiti amalan perancangan pengajaran guru SRA-JAWI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu dikekalkan agar kecemerlangan pendidikan berterusan dan mampu berdaya saing di persada antarabangsa.

Kata kunci: Tahap Profesionalisme, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah Agama, Amalan Perancangan Pengajaran

Abstract

This study was conducted to identify the level of professionalism of religious primary school teachers of the Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI) on lesson planning practices. In general, the design of this study is a quantitative study and the research instrument used is a set of questionnaires. The number of study samples taken was 274 respondents consisting of teachers of Religious Primary School (SRA) JAWI in the Federal Territory of Kuala Lumpur. Data were analyzed descriptively through SPSS software, version 22 to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study showed that the level of professionalism of SRA-JAWI teachers in the Federal Territory of Kuala Lumpur based on lesson planning practices was at a high level ($M=4.40$, $SD=0.32$). The implications of this study can be a guide to other teachers to improve the practice of lesson planning in their respective fields and be able to produce effective and quality teaching. In conclusion, the quality of teaching planning practices of SRA-

JAWI teachers in the Federal Territory of Kuala Lumpur must be maintained so that educational excellence continues and can be competitive on the international stage.

Keywords: *Level of Professionalism, Islamic Education Teachers, Religious Primary Schools, Teaching Planning Practices*

1.0 PENDAHULUAN

Manusia telah diciptakan oleh Allah s.w.t khusus untuk menjadi pengurus kehidupan demi memakmurkan kehidupan di bumi dengan mematuhi peraturannya. Nabi Adam a.s telah melalui proses pendidikan. Pentingnya pendidikan kepada manusia diperjelaskan dengan Allah menjadi guru yang pertama kepada manusia apabila melaksanakan pengajaran untuk menyempurnakan pendidikan (Shamsina Shamsuddin & Akhbar Pardi, 2015). Hal ini diperjelaskan dalam firman Allah s.w.t dalam al-Quran yang berbunyi:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: Dan dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar!" Mereka menjawab: "Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Surah al-Baqarah 2: 31-32)

Ledakan era globalisasi yang kian memuncak di seantero dunia meletakkan Malaysia dengan pelbagai cabaran dalam mewujudkan negara bangsa berkualiti. Pendidikan merupakan mekanisme asas dalam meningkatkan pembangunan negara agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru, pendidikan berkualiti yang menjadi kunci masa depan negara telah menjadi keutamaan dalam merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi merealisasikan tujuan ini, profesionalisme keguruan menjadi pemacu kepada ilmu pendidikan berkualiti serta penggerak utama kepada pembangunan modal insan berkualiti (Amie Doris Dorin et al., 2018)

Muhamad Zahiri Awang Mat et al. (2012) mengatakan, bagi meningkatkan kualiti guru dalam menjalankan tugas mereka, profesionalisme keguruan amat penting untuk diambil kira. Hal ini bagi menghasilkan mutu pendidikan yang berkualiti dalam melahirkan insan yang harmoni sama ada dalam hubungannya dengan Allah s.w.t dan juga kepada alam. Habibah @ Artini Ramlie (2017) turut menyatakan bahawa, pembangunan profesionalisme perguruan adalah suatu usaha bagi memartabatkan kerjaya seorang yang bergelar guru. Hal ini bagi memenuhi keperluan dunia pendidikan yang semakin mengalami perubahan serta mengandungi cabaran dan rintangan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini berkaitan dengan tahap profesionalisme guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan berdasarkan amalan perancangan pengajaran. Salah satu aspek profesionalisme yang penting dalam bidang perguruan adalah kemahiran pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Ianya

turut ditekankan dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM) yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2009 iaitu guru yang memiliki kemahiran pengajaran dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme keguruannya.

Menurut Kherul Anwar iaitu Penolong Pegawai Bahagian Pelajaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, guru yang bertugas di SRA-JAWI ini terbahagi kepada dua iaitu lantikan secara tetap dan lantikan secara kontrak. Guru-guru ini dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Yang membezakan guru yang dilantik secara tetap dengan kontrak adalah mempunyai kelulusan pendidikan sama ada dalam diploma pendidikan atau sarjana muda pendidikan. Sudah semestinya guru yang bertaraf kontrak kemahiran mengajarnya kurang berbanding guru lantikan tetap kerana tidak didedahkan dengan ilmu pendidikan.

Menurutnya lagi, sekiranya ditinjau masalah berkaitan dengan amalan pengajaran guru tidak kira bertugas di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia atau di bawah sekolah kelolaan kerajaan negeri isunya masih sama. Oleh sebab itulah, segala permasalahan dan isu yang berkaitan dengan profesionalisme guru dalam amalan pengajaran terutamanya guru pendidikan Islam secara tidak langsung ianya juga boleh dikaitkan dengan guru yang bertugas di SRA-JAWI kerana mereka juga dikenali sebagai guru pendidikan Islam yang mengajar kurikulum pendidikan Islam JAWI.

Dalam kajian Habibah@ Artini Ramlie (2016) pula menyatakan keperluan untuk menjadi guru yang professional begitu dituntut dalam Islam, namun kajian-kajian lepas dari tahun 1997-2015 menunjukkan tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam termasuklah dalam aspek pengajaran masih kurang memberangsangkan. Sebagai seorang guru haruslah mempunyai kepelbagaian idea terutamanya dalam kaedah pengajaran agar sesuai dengan tahap serta keadaan murid. Hal ini kerana sebagai seorang guru haruslah mempunyai kemampuan dalam menyampaikan ilmu kepada murid disamping mempunyai ilmu pengetahuan tentang isi kandungan pelajaran yang mantap (Noornajihan, 2016).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan perancangan pengajaran

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Amalan perancangan pengajian sangat penting serta merupakan amalan permulaan dalam menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran. Dalam menjadikan sebuah rancangan pengajaran yang baik dan berkesan memerlukan guru merancang dengan teliti terutamanya dalam aspek seperti yang telah dinyatakan oleh Mok Soon Sang (1996). Antaraya adalah dalam aspek penentuan objektif pelajaran, pemilihan isi kandungan pengajaran, pemilihan kaedah serta teknik pengajaran. Tambahan lagi, turut juga perlu diberi perhatian dalam pemilihan bahan serta alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana bahan itu berfungsi bagi memudahkan lagi dalam pelaksanaan pengajaran (Mok Soon Sang, 1996).

Menurut Cooper (2006), fungsi perancangan memerlukan guru membuat beberapa keputusan mengenai keperluan murid mereka. Antaranya adalah dalam menentukan matlamat atau objektif. Matlamat yang ditetapkan adalah mengikut kesesuaian murid agar dapat membantu memenuhi keperluan murid tersebut. Selain itu, memerlukan guru untuk menentukan kandungan yang akan diajar dan juga

motivasi yang diperlukan untuk mencapai matlamat dan objektif mereka. Seterusnya guru juga perlu menentukan mod dan strategi pengajaran yang merupakan salah satu daripada aspek penting dalam perancangan iaitu dengan menetapkan kaedah yang bersesuaian agar dapat menarik minat murid sekali gus dapat mencapai objektif pengajaran.

Menurut Mok Soon Sang (1996), penentuan objektif pengajaran haruslah berpandukan kepada sukatan pelajaran, tahap penguasaan sedia ada murid serta kebolehan dalam mengikuti sesi pengajaran. Menurutnya lagi bagi mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan memerlukan kepada pemilihan kaedah yang sesuai. Seterusnya melalui kaedah pengajaran yang sesuai akan dapat menjamin murid-murid mencapai objektif pelajaran yang dikehendaki. Standard Guru Malaysia (2009) yang telah menjadi garis panduan guru di Malaysia turut menyatatakan mengenai amalan perancangan yang dilaksanakan harus mengambil kira kaedah serta tahap yang bersesuaian dengan keadaan dan situasi murid.

Menurut Kamarul Azmi & Ab Halim (2007), seorang guru perlu menyediakan satu set pengenalan pengajaran sebelum meneruskan pengajaran seterusnya. Sebagai contoh memperkenalkan tajuk perbincangan terlebih dahulu secara baik dan teratur bagi melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bahagian permulaan atau pengenalan ini dikenali sebagai set induksi. Set induksi yang dijalankan pada peringkat permulaan pengajaran merupakan aktiviti yang penting. Tambahannya lagi, kejayaan dalam set induksi mampu menarik minat pelajar serta mendorong melibatkan para pelajar sehingga selesai pengajaran dan pembelajaran begitu juga jika sebaliknya.

Terdapat pelbagai jenis set induksi yang boleh guru aplikasikan mengikut kreativiti serta penyesuaian dalam pengenalan pengajaran. Antaranya adalah melakukan teknik penyoyal pada permulaan pengajaran. Menurut Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2017), teknik penyoyal juga boleh diaplikasikan pada permulaan pengajaran. Melalui perlaksanaan teknik penyoyal pada peringkat permulaan pengajaran ini secara tidak langsung akan dapat menimbulkan rasa minat dan mampu mendorong pelajar untuk tetap fokus dalam proses PdP. Namun begitu dalam mengaplikasikan teknik penyoyal dalam peringkat rendah adalah sukar berikutan daripada tahap kemampuan murid dalam memahami konsep matlamat dalam sesuatu isi pengajaran berada pada tahap yang lemah. Tambahan pula, murid pada peringkat rendah ini memerlukan guru untuk membimbing mereka dengan bimbingan yang berterusan dalam memastikan murid memahami apa tujuan sesuatu tajuk itu diajarkan (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016).

Dalam melaksanakan kaedah penyoyal Ahmad Mohd Salleh (1997) ada menyenaraikan prinsip-prinsip panduan dalam penyoyal agar ianya dapat digunakan dengan berkesan. Antaranya adalah seperti menyoyal dengan aras soalan yang bersesuaian dengan murid, soalan yang ringkas dan tepat serta memberi ruang kepada mereka untuk berfikir dan sebagainya. Selain dari memulakan pengajaran dengan kaedah penyoyal, Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2007) menyarankan amalan guru memulakan pengajaran dan pembelajaran dengan memberi pujian kepada Allah. Hal ini kerana menurut beliau setiap kelas pengajian terutamanya kelas pengajian agama yang tidak memuji Allah S.W.T dan berselawat kepada junjungan Baginda s.a.w tidak akan membawa sebarang makna di sisi-Nya. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya (al-Tarmidhi, 1994: 247/3)

عن أبي هريرة رضي الله عن النبي ﷺ قال ما جلس قوم مجلسا لم يذكروا الله فيه ولم يُصلُّوا على نبيهم إلا كان عليهم ترة
فإن شاء عدَّتْهم وإن شاء غفر لهم.

(At-Tirmidzi, Jami' at-Tirmidzi, Kitab al-Da'waat 'an Rasulullah s.a.w, Bab Fi al-Qaum Yajlisuun wala Yazkurun Allah. No. Hadith 3380. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Menurut Imam Ibnu 'Arabi, Imam al-Albani dan Imam al-Suyuthi, hadith ini sahih)

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi Muhammad s.a.w "Tidak duduk satu kaum dalam satu kelas yang tidak mengingati Allah dan berselawat ke atas Nabi melainkan mereka yang kekurangan. Jika Allah menghendakinya diazab, maka Dia akan mengazab mereka dan jika Allah mengendakinya diampunkan, maka Dia akan mengampun mereka

Justeru, set induksi perlu mengandungi sekurang-kurangnya basmalah, pujian bagi Allah dan selawat kepada baginda s.a.w. Namun begitu kebanyakan ulama muktabar seperti Imam al-Nawawi (1983) dan al-Ghazali (1988), menambah set induksi dengan petikan ayat al-Quran dan petikan hadis yang terkandung dalam isi utama dalam satu Pdp (Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, 2007). Secara keseluruhannya, set induksi merupakan aktiviti pada permulaan yang dilihat penting untuk dilaksanakan. Dengan melaksanakan set induksi ia akan berperanan dalam menarik perhatian murid untuk melibatkan diri dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, menurut Mok Soon Sang (1996), segala rancangan yang telah dirancang oleh guru adalah merupakan satu proses yang membolehkan guru dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Jelasnya lagi, jika baik perancangan guru, maka licinlah pelaksanaan pengajarannya.

5.0 KERANGKA TEORIKAL DAN KONSEPTUAL KAJIAN


5.1 Kerangka Teorikal

Kajian ini merujuk kepada teori amalan pengajaran berdasarkan model pengajaran berkesan Cooper (2006), model pengajaran al-Qabisi (1955) dan model Standard Guru Malaysia (2009) (Rujuk rajah 1). Amalan pengajaran merupakan salah satu topik perbincangan yang dibincangkan dalam ketiga-tiga teori ini. Model pengajaran berkesan Cooper (2006) ada membincangkan mengenai salah satu komponen asas utama pengajaran iaitu perancangan (*planning*). Manakala model pengajaran al-Qabisi (1955) pula lebih menjurus dalam bidang pengajaran al-Quran. Namun begitu, model ini boleh juga diaplikasikan dalam pengajaran secara umum. Sementara itu, model standard guru Malaysia pula merupakan standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan guru di Malaysia

Model pengajaran berkesan berdasarkan Cooper (2006) menjelaskan perkaitan komponen asas utama pengajaran iaitu perancangan (*planning*) seperti persediaan, objektif atau matlamat dan set induksi. Pada komponen perancangan ini guru-guru memerlukan kepada satu ketetapan mengenai keperluan murid, matlamat dan objektif yang sesuai, kaedah dan strategi yang sesuai dalam menarik minat pelajar (set induksi) agar dapat mencapai objektif pengajaran. Beliau menyatakan bahawa, matlamat utama dalam perancangan adalah untuk menentukan pembelajaran pelajar. Perancangan boleh dilakukan apabila guru bersendirian dan mempunyai masa untuk merancang dan mempertimbangkan isu-isu seperti pelan jangka pendek dan jangka panjang, kemajuan pelajar, masa yang ada, dan bahan pengajaran. Perancangan pengajaran akan membantu menguruskan aliran yang bersesuaian dengan mengikut urutan kandungan pengajaran (Cooper, 2006).

Standard Guru Malaysia (2009) juga menetapkan beberapa perincian yang perlu dicapai oleh guru dalam standard pengajaran dan pembelajaran iaitu kebolehan guru itu sendiri dalam membuat sesuatu perancangan. Kemahiran yang

perlu guru kuasai di peringkat perancangan pengajaran meliputi proses penyediaan rancangan pengajaran tahunan berdasarkan kepada sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran serta takwim sekolah. Selain itu, guru juga perlu menyediakan rancangan pengajaran harian dengan menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, aktiviti, sumber serta pentaksiran dan penilaian guru tanpa tahap penguasaan dan kebolehan murid.




Sumber: Cooper (2006), al-Qabisi (1955) Standard Guru Malaysia (2009)
Rajah 1: Kerangka Teori Kajian

5.2 Kerangka Konseptual

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (SRA-JAWI) berdasarkan amalan perancangan pengajaran. Berdasarkan kerangka konsep kajian ini juga menunjukkan untuk mengetahui perbezaan profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan pengajaran berdasarkan demografi guru. Kerangka konsep ini adalah hasil dari olahan pengkaji berdasarkan model Cooper (2006), al-Qabisi (1955) dan Standard Guru Malaysia (2009) yang dirujuk bagi membolehkan objektif kajian dicapai dan mampu menjawab soalan kajian

Kerangka konsep kajian dalam Rajah 2 juga memberi petunjuk tentang perancangan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Bahagian pertama adalah selari dengan objektif kajian untuk melihat kepada profesionalisme guru (SRA-JAWI) berdasarkan amalan perancangan pengajaran terdiri daripada perancangan. Bahagian kedua pula melibatkan perbezaan profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan pengajaran berdasarkan demografi guru selari dengan objektif yang kedua. Bahagian ketiga adalah hasil yang akan diperolehi berdasarkan kajian ini.



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam Amalan Perancangan Pengajaran

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan deskriptif bagi mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan perancangan pengajaran. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang amalan perancangan pengajaran seperti persediaan, objektif dan set induksi. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Rendah Agama (SRA) yang di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Sekolah-sekolah yang dipilih secara rawak hanya melibatkan cawangan Kuala Lumpur sahaja iaitu terdiri daripada zon 1 hingga 6 iaitu 68 buah sekolah. Lokasi kajian ini dipilih kerana guru SRA-JAWI yang terdapat di lokasi ini mempunyai bilangan yang paling ramai sekali berbanding dengan lokasi di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan kaedah persampelan rawak, dengan populasi 964 orang guru, saiz sampel adalah seramai 274 orang guru. Hal ini kerana, saiz sampel ini berpadanan dengan saiz populasi yang ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dilaporkan dalam bentuk laporan deskriptif iaitu kekerapan, sisihan piawai, interpretasi min dan peratus.

Jadual 1: Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI berdasarkan amalan perancangan pengajaran

BIL	Amalan Pengajaran di Peringkat Perancangan	STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
B1	Saya merujuk sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran	1 (0.4%)	2 (0.7%)	0	118 (43.1%)	153 (55.8%)	4.53	0.58	Tinggi
B2	Saya mengenal pasti kelemahan sedia ada murid	0	0	6 (2.2%)	181 (66.1%)	87 (31.8%)	4.30	0.50	Tinggi
B3	Saya menterjemah objektif pengajaran kepada aktiviti yang bersesuaian	0	0	6 (2.2%)	201 (73.4%)	67 (24.5%)	4.22	0.47	Tinggi
B4	Saya menentukan isi pelajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid	1 (0.4%)	1 (0.4%)	7 (2.6%)	171 (62.4%)	94 (34.3%)	4.30	0.57	Tinggi
B5	Saya merancang aktiviti pembelajaran mengikut potensi murid	0	1 (0.4%)	7 (2.6%)	181 (66.1%)	85 (31%)	4.27	0.55	Tinggi
B6	Saya mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang pihak sekolah	0	2 (0.7%)	2 (0.7%)	147 (53.6%)	123 (44.9%)	4.43	0.55	Tinggi
B7	Saya mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia	1 (0.4%)	3 (1.1%)	2 (0.7%)	150 (54.7%)	118 (43.1%)	4.40	0.60	Tinggi
B8	Saya mengaitkan pengajaran dengan pengalaman hidup	0	2 (0.7%)	8 (2.9%)	165 (60.2%)	99 (36.1%)	4.31	0.57	Tinggi
B9	Saya membangkitkan rasa ingin tahu murid terhadap pengajaran guru dengan penyoalan	0	0	2 (0.7%)	172 (62.8%)	100 (36.5%)	4.36	0.50	Tinggi
B10	Saya melontarkan soalan yang mudah difahami agar murid tidak keliru.	0	0	3 (1.1%)	144 (52.6%)	127 (46.4%)	4.46	0.52	Tinggi
B11	Saya menggunakan pelbagai teknik	0	0	4 (1.5%)	145 (52.9%)	125 (45.6%)	4.44	0.53	Tinggi

	pengajaran untuk mewujudkan motivasi murid.								
B12	Saya memulakan pengajaran dengan memberi puji-pujian kepada Allah s.w.t	0	1 (0.4%)	0	133 (48.5%)	140 (51.1%)	4.50	0.52	Tinggi
B13	Saya memulakan pengajaran dengan berselawat kepada baginda s.a.w	0	0	7 (2.6%)	137 (50%)	130 (47.4%)	4.44	0.55	Tinggi
B14	Saya memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk pengajaran.	0	2 (0.7%)	2 (0.7%)	137 (50%)	133 (48.5%)	4.46	0.56	Tinggi
B15	Saya akan memastikan setiap pengajaran dimulai dengan doa.	0	0	0	108 (39.4%)	166 (60.6%)	4.60	0.49	Tinggi
	JUMLAH						4.40	0.32	Tinggi

Dapatan kajian bagi tahap profesionalisme guru berdasarkan amalan perancangan pengajaran mendapati, nilai dan purata min keseluruhan adalah sebanyak ($M=4.40$) dengan nilai sisihan piawainya adalah ($SP=0.32$). Interpretasi bagi taburan ini ialah tinggi.

Berdasarkan jadual 1, kod item B15 menunjukkan catatan min keseluruhan adalah tertinggi berbanding item-item lain bersama nilainya ($M=4.60$) serta sisihan piawainya adalah sebanyak ($SP=0.49$). Oleh itu, jika dilihat pada dapatan ini, terdapat seramai 166 orang guru (60.6%) mengatakan sangat setuju. Kemudian diikuti pula aras setuju seramai 108 orang guru (39.4%). Bagi responden yang memilih tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju didapati seramai 0 orang guru dengan nilai peratusnya (0%). Kemudian untuk kod item B3, skor min bagi item 'saya menterjemah objektif pengajaran kepada aktiviti yang bersesuaian' dengan ($M=4.22$, $SP=0.47$) merupakan nilai yang terendah dalam kategori skala min tertinggi berbanding item-item yang lain iaitu seramai 67 orang guru (24.5 %) menyatakan sangat setuju dan begitu juga diikuti skala setuju iaitu 201 orang guru (73.4%). Namun terdapat 6 orang guru (2.2%) menyatakan tidak pasti terhadap item tersebut. Bagi skala yang responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju pula adalah seramai 0 orang guru dengan nilai peratusnya (0%). Interpretasi bagi item ini bagi keseluruhannya juga adalah tinggi

8.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Merancang pengajaran dengan baik merupakan kunci kejayaan seorang guru. Keupayaan untuk merancang sesuatu rancangan pengajaran merupakan satu kemahiran kursus yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh seorang guru (Akhbar Pardi & Shamsina Samsuddin, 2014). Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan skor min keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi ($M=4.40$, $SP=0.32$). Perkara ini boleh dilihat melalui nilai persetujuan yang dinyatakan

oleh guru SRA-JAWI yang tinggi terhadap kontrak yang dibina. Dapatan kajian turut disokong oleh kajian-kajian lepas seperti kajian Norshafinaz & Faridah (2018) yang menunjukkan bahawa secara keseluruhan dapatan kajian berdasarkan aspek amalan perancangan pengajaran menunjukkan sangat baik iaitu majoriti guru mengamalkan aspek perancangan dengan baik. Selain itu, dapatan kajian ini juga disokong dengan dapatan kajian Nor Asniza (2017) yang menunjukkan bahawa dapatan kajian berkaitan dengan amalan perancangan sangat positif iaitu guru mengamalkan pelbagai jenis pendekatan perancangan pengajaran agar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid.

Seterusnya bagi seorang guru, penyediaan rancangan pengajaran harian merupakan tugas yang wajib dilakukan oleh mereka. Rancangan pengajaran harian merupakan terjemahan daripada Rancangan Pengajaran Tahunan yang mana ianya mengandungi sukatan pelajaran, objektif kajian serta contoh-contoh aktiviti yang perlu dijalankan bagi mencapai objektif pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Rancangan pengajaran yang lengkap akan lebih berupaya membantu seorang guru dalam melaksanakan pengajarannya. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan antara item yang mendapat skor yang tertinggi ialah item B2 yang menyatakan bahawa guru SRA-JAWI merujuk sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran. Namun begitu dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Noor Sahmshinar et al (2017) mengenai amalan perancangan pengajaran iaitu menyatakan bahawa guru pelatih bahasa arab masih belum menguasai penulisan rancangan pengajaran harian dimana ia tidak tersusun. Dapatan kajian tersebut juga menyatakan bahawa guru pelatih tidak merujuk sukatan pelajaran, tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran dan sebagainya yang telah mengakibatkan penulisan rancangan pengajaran harian tidak tersusun (Noor Sahmshinar et al. 2017).

Seterusnya guru SRA-JAWI juga didapati mengamalkan amalan membaca doa sebelum memulakan pengajaran. Amalan membaca doa merupakan amalan kebiasaan yang dilakukan di mana-mana sekolah termasuklah di sekolah-sekolah SRA-JAWI. Maka tidak hairan jika item berkaitan dengan amalan membaca doa sebelum memulakan pengajaran mendapat item yang paling tinggi jumlah persetujuannya daripada guru-guru SRA-JAWI. Menjadi tanggungjawab seorang guru agama bukan setakat memberi ilmu pengetahuan, tetapi seharusnya menanamkan keagamaan dengan amalan-amalan seharian seperti mempraktikkan ajaran agama agar menjadi amalan kebiasaan dalam kehidupan mereka agar mereka menjadi seorang Islam yang kamil (Ahmad Mohd Salleh, 1997).

Dapatan kajian yang berikutnya adalah amalan perancangan yang paling kurang dilakukan oleh guru SRA-JAWI iaitu merancang aktiviti pembelajaran mengikut potensi murid. Menurut Kementerian Pendidikan (2015) menjadi seorang guru selain dari merancang pengajaran, guru perlulah peka dan mempunyai pengetahuan tahap kognitif pelajar agar segala kaedah serta aktiviti yang dirancangan bersesuaian dengan murid. Mohd Aderi (2015) juga menyatakan bahawa seorang guru haruslah mempunyai kebolehan dalam menyesuaikan aras pengajaran dengan tahap kebolehan para pelajar. Hal ini kerana, jika aras pengajaran terlalu tinggi maka ia akan menyebabkan murid yang lemah akan sukar untuk mengikuti proses pengajaran guru dan akan mengakibatkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran. Manakala jika aras pengajaran rendah ia akan menyebabkan murid yang cerdas akan kurang memberi tumpuan kepada pengajaran guru. Oleh itu, seorang guru haruslah bijak menyusun atur kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar semua murid dapat mengikuti pengajaran guru.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan amalan yang kerap dilakukan oleh guru SRA-JAWI adalah memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk

pengajaran yang akan diajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada waktu berkenaan. Salah satu komponen penting dalam perancangan pengajaran adalah menetapkan kaedah dan strategi yang sesuai dalam menarik minat pelajar agar dapat mencapai objektif pengajaran (Cooper, 2006). Perancangan dalam menetapkan kaedah ini perlu disusun rapi dengan bermula pada peringkat permulaan pengajaran atau lebih dikenali dengan set induksi. Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2007), seorang guru perlu menyediakan satu set pengenalan pengajaran sebelum meneruskan pengajaran seterusnya. Namun begitu, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Hamdi Ishak et al (2012) yang menyatakan bahawa sebahagian besar responden kajian menyatakan mereka menggunakan pelbagai kaedah dalam melaksanakan set induksi agar dapat menarik perhatian murid. Antaranya dalam kaedah soal jawab dan mengaitkan dengan pelajaran lepas dan hanya segelintir sahaja guru yang memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk pengajaran.

Di samping itu, guru SRA-JAWI juga ada melaksanakan amalan penyooalan pada permulaan pengajaran bagi membangkitkan rasa ingin tahu murid terhadap pengajaran. Amalan ini menunjukkan selain dari menyatakan tajuk pengajaran, guru SRA-JAWI juga ada melaksanakan sesi soal jawab yang dapat membangkit rasa ingin tahu pada murid tentang apa yang akan mereka pelajari. Disamping itu soalan-soalan yang dilontar guru SRA-JAWI kepada murid adalah soalan yang mudah difahami agar murid tidak keliru. Hal ini telah pun dinyatakan oleh Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2017) dalam kajiannya bahawa teknik penyooalan pada permulaan pengajaran akan mampu mendorong murid fokus dalam proses Pdp. Tambahan lagi, menurutnya dalam mengaplikasikan teknik penyooalan pada peringkat rendah adalah kurang sesuai dijalankan kerana peringkat rendah ini memerlukan bimbingan yang berterusan agar murid dapat memahami apa yang akan dipelajari.

Amalan yang dilakukan guru SRA-JAWI dalam perancangan pengajaran yang seterusnya menunjukkan bahawa guru SRA-JAWI memulakan pengajaran dengan memberi puji-pujian kepada Allah s.w.t. Dapatan kajian ini disokong dengan dapatan kajian Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015), dalam aspek perancangan, persediaan dan langkah permulaan pengajaran menunjukkan guru pendidikan Islam (GPI) mempunyai amalan beristigfar sebelum memulakan pengajaran. Baginya amalan beristigfar itu merupakan amalan pembersihan diri daripada dosa-dosa agar ilmu yang akan di sampaikan mudah diterima oleh murid. Mendidik dengan didikan yang lahir dari jiwa guru itu sendiri iaitu dengan ikhlas dan bersungguh agar ilmu yang disampaikan itu sampai merupakan tugas dan kewajipan seorang guru. Hal ini menurut Ahmad Mohd Salleh (1997) menyatakan bahawa kejayaan seorang guru adalah terletak pada kejayaan yang memberi kesan pada diri murid tersebut seperti dari segi perubahan kelakuannya. Ianya bukan hanya terletak pada banyaknya maklumat dan pengetahuan sahaja. Selain itu, guru SRA-JAWI juga mempunyai amalan memulakan pengajaran dengan berselawat kepada baginda s.a.w. Melalui amalan-amalan seperti ini iaitu seperti beristigfar dan berselawat kepada baginda s.a.w menunjukkan bahawa, guru SRA-JAWI ini juga berakhlak dengan akhlak Islamiah melalui amalan-amalan yang dilakukan di peringkat perancangan.

9.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini cuba memberikan pengetahuan mengenai tahap profesionalisme dalam kalangan guru SRA-JAWI yang melibatkan amalan perancangan pengajaran dengan min dan sisihan piawai ($M=4.40$, $SP=0.32$). Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang signifikan dengan terhasilnya satu

teori baharu bagi memastikan amalan perancangan pengajaran guru SRA-JAWI dapat mewujudkan keberkesanan maksimum yang boleh digunakan dalam pengajaran. Walaupun, amalan perancangan pengajaran bagi guru-guru SRA-JAWI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tinggi, namun masih memerlukan kepada usaha pengekalan serta peningkatan berterusan dari semasa ke semasa. Sementelahan itu, dapatan ini diharapkan dapat memberikan pendedahan dan sumbangan terperinci mengenai tahap profesionalisme guru SRA-JAWI yang melibatkan amalan perancangan pengajaran seperti objektif, persediaan dan set induksi. Guru SRA-JAWI adalah golongan yang amat penting dalam meningkatkan pencapaian, keberkesanan dan tahap pengetahuan dalam kalangan murid di sekolah. Daripada kajian yang dijalankan dapat dituntaskan bahawa, kejayaan sesuatu pengajaran menurut Caroline @ Lorena David & Abdul Said Ambotang (2014) adalah berpandukan kepada amalan perancangan pengajaran. Secara keseluruhan guru SRA-JAWI membuat perancangan yang rapi dan tersusun bagi menjamin kelancaran di peringkat seterusnya. Jumlah persetujuan yang diberikan oleh guru SRA-JAWI membuktikan bahawa elemen amalan perancangan pengajaran berada pada tahap yang tinggi.

10.0 RUJUKAN

Al- quran

- Ahmad Mohd. Salleh (1997). Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf (1955). Ar-Risalah al-Mufasssolah li ahwal al-mua'llimin wa ahkam al- mua'llimin wal muta'alimin. Kaherah. Dar Ehya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin (2014). Rancangan Pengajaran Harian (dalam pengajaran dan pembelajaran) Edisi Kedua. Penerbitan Multimedia. Selangor Darul Ehsan.
- Amie Doris Dorin, Evelyn Banu, Lucy AK Tambi & Sim Pik Yun (2018). Kualiti Guru dan Profesionalisma Keguruan: Isu-isu dalam Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Cooper, J.M. (2006). The teacher as a reflective decision maker. Dalam Cooper, J.M., Classroom Teaching Skills, hlm 1-19. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Caroline@ Lorena David dan Abdul Said Ambotang (2014). Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesiediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah. Conference Paper: Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (Gpi) Dalam Aspek Pengajaran. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. 3, No.3 (85-109)
- Habibah @ Artini Ramlie (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiiyyah'. Tesis Ijazah Dr Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Hamdi Ishak et al (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). Journal of Islamic and Arabic Education 4(2), 2012 11-24
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Penerbit Universiti Teknologi Mara. Johor Darul Takzim

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Sekolah Menengah. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Putrajaya
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mok Soon Sang (1996). Pendidikan Di Malaysia: Untuk Diploma Perguruan. Subang Jaya: Kumpulan Budiman
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. Conference: Wacana Pendidikan Islam, At Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, Volume: Siri ke 11
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2017). Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1), 2017 42-53
- Muhamad Zahiri Awang Mat et. al (2012). Kajian Tahap Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*. Bil 1(36-73).
- Nor Asniza Binti Ishak (2017). Perancangan Pengajaran Guru Prauniversiti Tingkatan Enam Dalam Meningkatkan Kualiti Intelektual Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 12. IPG Kampus Ipoh.
- Noornajihan Jaafar (2016). Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. PENERBIT KUIS. Kajang, Selangor.
- Noor Shamshinar Zakaria et al (2017). Kompetensi Guru Pelatih Dalam Penulisan Rancangan Pengajaran Harian Bahasa Arab. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 101-110
- Shamsina Shamsuddin, Akhbar Pardi (2015). SURI WACANA AKADEMIA PELANGI: Pedagogi Pendidikan Islam. Pelangi ePublishing Sdn. Bhd.
- Zetty Nurzuliana Rashed et al (2015). Amalan Pengajaran Guru Tilawah al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1) 2015 77-86, e-ISSN: 2289-960X